

CNS4804

U GB 25-07 00202 BA706

BAH

KESEDIAAN CHINA BERUNDING ISU SPRATLY SATU PETANDA BAIX

Mahathir - Spratly

ALOR SETAR, 25 Julai (Bernama) -- Kesediaan China untuk berunding bagi menyelesaikan masalah tuntutan bertindih kepulauan Spratly merupakan satu perkembangan yang baik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

+Saya mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin China kerana menimbang dan mengambil kira pendapat negara-negara Asean,+ katanya.

+Kita sedar bahawa sekarang ini Amerika Syarikat sudah tidak ada pangkalan lagi di Asia Tenggara kerana mereka terpaksa mengeluarkan armadanya dari wilayah itu.

+Jadi kalau mereka tinggalkan wilayah itu dan kita pula 'sesama kita bergaduh, maka ini, yang pertama menunjukkan bahawa kita tidak cekap menguruskan perhubungan antara negara-negara di Asia Timur dan yang kedua, ia akan menyebabkan Amerika Syarikat datang balik untuk menjadi 'policeman' kerana kita di sini tidak tahu macam mana nak menjaga keamanan di wilayah kita,+ katanya.

Negara-negara di rantau ini sepatutnya membuktikan kepada dunia bahawa orang Asia Timur juga mampu untuk menjaga keamanan di wilayah timur tanpa campurtangan daripada pihak lain, katanya kepada pemberita di sini sebagai mengulas kenyataan Menteri Luar China, Qian Qichen mengenai perkara itu pada Persidangan Menteri-menteri Luar Asean di Manila, Selasa lepas. -- Lagi.

▼25/07/20-12MST

CNS4805

U GB 25-07 00129 BA701

BAH

Mahathir - Spratly 2 Alor Setar

+Kalau kita membesei sebab untuk mereka balik kesini dengan tentera mereka, maka ini akan meletakkan kita di bawah telunjuk mereka,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan kesanggupan China untuk berunding, beliau yakin soal tuntutan terhadap kepulauan Spratly akan diselesaikan tanpa rusuhan atau peperangan dan ini akan membawa kebaikan kepada semua'.

+Saya percaya bahawa dengan keputusan pihak China sanggup menyelesaikan masalah ini secara rundingan, negara-negara lain juga patutlah jadikan ini sebagai contoh.

+Segala tuntutan untuk mana-mana wilayah hendaklah diselesaikan melalui rundingan berasaskan kepada faktor-faktor undang-undang 'dan kalau kita sanggup patuhi undang-undang, saya fikir tidak akan ada masalah,+ tambahnya.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak meragui kejujuran China berhubung kesediaannya menyelesaikan masalah itu. -- Lagi.

▼25/07/20-14MST

CNS4807

U GB 25-07 00155 BA708

BAH

Mahathir - Spratly 3 (Akhir) Alor Setar

+Kita harus terima ini bulat-bulat. Kita tidak boleh kata walaupun dia berkata demikian tetapi sebenarnya dia tidak jujur kerana kita tidak boleh baca hati orang,+ katanya.

Katanya, Malaysia perlu menerima apa yang nyata dan yang nyata sekarang ialah mereka sanggup berunding bagi menyelesaikan masalah Spratly bahkan sanggup snpaya kawasan itu dieksploitasi bersama.

+Ini satu pengakuan yang baik dan kita tidak harus menuduh bahawa ini ialah sesuatu yang tidak jujur di pihak mereka,+ katanya.

Mengenai keenganan Khmer Rouge untuk mematuhi perjanjian perdamaian hi Xemboja, Dr Mahathir berkata, pihak Khmer Rouge harus sedar bahawa cara yang keras yang digunakannya akan menarik tindak balas yang keras juga.

+Saya fikir kalau Khmer Rouge terus menggunakan kekerasan, sukar bagi kita mengelak daripada menggunakan cara-cara yang keras...saya fikir mereka akan rugi. Jadi sepatutnya mereka menerima apa yang telah mereka persetujui,+ tambahnya. -- Bernama . i

▼25/07/20-17MST